

Antara koleksi pinggan dipamerkan.



Tembikar Melayu medium sebar ilmu

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
bhsastera@bh.com.my

Seni tembikar Melayu tidak kurang hebatnya dengan tembikar China kerana ia memiliki nilai sejarah dan estetika sehingga menjadi koleksi golongan bangsawan.

Nilai estetika itu dapat dilihat pada tulisan yang menghiasinya sehingga menjadikannya sangat berharga apatah lagi ia menampilkan syair, puisi dan pantun yang berasal dari khazanah kesusasteraan Melayu lama yang tersirat dengan pengajaran dalam tulisan Jawi.

Malah, pinggan tembikar Melayu turut memiliki maklumat pembuat, pedagang dan ejen pengedarnya seperti konsep iklan yang ada pada hari ini.

Pengarah Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata pinggan tembikar Melayu dibuat di England pada tahun 1819 hingga 1864 oleh Syarikat W Adams & Sons; Syarikat J Hawley, Staffordshire (1832-1893) dan Syarikat F Regout, Holland (1893-1896).

Katanya, pinggan itu diedarkan semula ke gugusan kepulauan Melayu bagi tujuan komersial atau perdagangan, selain kegunaan di Eropah oleh saudagar yang dikenali sebagai Tuan Anfield dan turut digunakan di tanah jajahan British yang lain.

Iklankan melalui pantun

"Bahan mentah pinggan itu berasal dari kepulauan Melayu, tetapi dibawa pulang dan dikilangkan di Eropah, sebelum dibawa kembali ke Nusantara untuk diperdagangkan.

"Lebih unik lagi kita dapat saksikan di Betawi, nama wakil penjual pinggan yang dikenali sebagai Anderson Toolson turut diiklankan di bahagian tepi atau keliling pinggan menerusi pantun," katanya kepada Sastera BH di UPM, Serdang, baru-baru ini.

Anderson Hunt nama yang punya, di negeri Inggeris dagangnya ramai; Anderson Tolson nama kongsiya ter-

» Syair, pantun terukir di pinggan miliki nilai sejarah jadi koleksi golongan bangsawan

masyhur di negeri Betawi.

Ditulis orang Betawi

Muhammad Pauzi berkata, fakta ini diketahui apabila di belakang salah sebuah pinggan berkenaan yang memeterai nama penulisnya dalam tulisan Jawi oleh orang Betawi, iaitu Khatib Muharis.

"Kalam Batawi yang akan menulis, kalam di tangan Khatib Muharis; Pilihan Tuan Anfield yang punya, di tujuh kota ialah ternama".

"Meterai itu membuktikan pinggan berkenaan bukanlah berasal dari England yang dijual ke jajahannya, tetapi khazanah Melayu yang dibawa ke England dan dihasilkan semula," katanya.

Di bahagian tengah pinggan diisi dengan kata-kata hikmah, puji-pujian dan nasihat yang bersesuaian dengan tujuannya seperti upacara atau majlis bangsawan.

"Ayuhai sekalian ikhwan, eloknya pinggan tempat makanan; Di tengah majelis diatarkan, serta dengan bersuka-sukaan".

Minat cendekiawan Barat

Muhammad Pauzi berkata, ia adalah bukti minat cendekiawan Eropah sejak kurun ke-18 terhadap sastera Melayu yang dijadikan alat pembelajaran membaca kerana mengandungi nasihat dan pengajaran hidup.

Pinggan itu pula dipamer dan disimpan bukan sembarangan tempat, sebaliknya dipelihara rapi di muzium, makam, koleksi peribadi dan tokoh barang antik.

Penyelidikan sejak tahun 1971 juga menemui sejumlah pinggan jenis itu di beberapa makam keramat yang ada di pulau Jawa seperti makam tokoh Islam di Indonesia (Wali Songo) misalnya Sunan Jati di Cirebon dan Sunan Bonang di Magelang.

Kewujudan dan penerimaan pinggan ini ke seluruh dunia membuktikan tulisan Jawi sudah



"Ia adalah bukti minat cendekiawan Eropah sejak kurun ke-18 terhadap sastera Melayu yang dijadikan alat pembelajaran membaca kerana mengandungi nasihat dan pengajaran hidup"

Muhammad Pauzi Abd Latif,
Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM

sebagai dengan orang Melayu yang bertepatan dengan gelaran bangsa Jawi yang diberikan.

Pinggan itu menjadi medium menyampaikan ilmu kerana ilmu Melayu itu tidak tersurat tetapi tersirat. Pantun tersurat di tengah, manakala ilmu tersirat dalam pantun yang menjadi antara ciri yang menjadikannya kekal rahsia.

Pinggan bukan sebarang pinggan, pinggan Melayu jadi tatapan.

Pantun yang tercatat pada pinggan tembikar Melayu

1 Sekarang ini lain termasa
Orang bersahabat di dalam bahasa,
Di dalam batin terlalu susah,
Barang sesuatu jangan dipaksa,
Patutnya sahabat tempatnya aman,
Lalah tempat segala pinjaman,
Jikalau sama arif budiman,
Niscaya muhabat seumurnya zaman.

2 Jika anakku hendak bersahabat
Dengar dahulu baharu kau lihat
Jika ia perangnya jahat
Supaya jangkannya sahabat?
Mencari sahabat yang boleh lama
Baik dan jahat bersama-sama
Boleh diajak ke dalam rumah
Tiada ia merosakkan nama
Mencari sahabat orang budiman
Menjadi saudara menjadi teman
Baik dan jahat sama gerangan
Lalah sahabat yang berpanjangan
Jikalau bersahabat sekadar makan
Sekejap mata dapat diadakan

3 Barang di mana terpakai piring
Piring tolson juga diminta
Hati yang lenggang menjadi girang
Budi bertambah hati bercinta

